

Bahasa Melayu dan Sastera Mempunyai Hubungan Simbiosis dalam Membina Jati Diri Generasi Moden

Siti Khariah Mohd. Zubir

Abstrak

Bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan. Kedua-duanya dikatakan mempunyai hubungan simbiosis dan sering diungkapkan bagai ‘isi dengan kuku’ atau ibarat ‘irama dan lagu’. Oleh sebab itu, bahasa sama sekali tidak dapat dipisahkan pembinaannya daripada kegiatan kesusteraan. Dalam hubungan antara bahasa dengan sastera, sastera adalah saluran atau alat yang paling baik bagi mengembangkan daya cipta kerana ekspresi sastera dan seni adalah bebas seperti bebasnya jiwa, fikiran dan perasaan manusia yang melahirkan karya-karya seni. Dalam kajian ini pengkaji akan melihat bagaimana penulisannya. Pengkaji juga akan memaparkan kebolehan penulis mencipta ungkapan-ungkapan yang baharu, gaya bahasa yang indah untuk menggambarkan dan menyatakan keanekaragaman fikiran dan perasaan manusia dan alam sekeliling dalam karya mereka yang berbentuk puisi, cerpen dan novel. Penulis juga tidak lupa menerapkan nilai-nilai yang boleh membentuk jati diri generasi moden dalam karya mereka.

Kata kunci: hubungan, simbiosis, keanekaragaman, fikiran, jati diri

Abstract

Language and literature are indivisible. They are symbiotic and can be likened to the Malay proverb “like a fingernail and the flesh

beneath” or “like the song and its melody”. Therefore, language is inseparable from literary activities. In this relationship between language and literature, literature is the best channel to expand our creativity because the realm of literary and artistic expressions are boundless as are the unbound soul, thoughts and feelings of literary writers. This study looks at the literary writers and their creative writings. The researcher also reveals the ability of the writers to produce new and beautiful language expressions in order to show the multitudinous nature of human creative thoughts and feelings. These abstract thoughts are evidenced in their poetry, short stories and novels. Also, through their works the literary writers are also able to instil the spirit of confidence and self actualisation in the modern generations.

Keywords: Relationship, symbiotic, multitudinous, thoughts, self actualisation

Pengenalan

Shamsudin Othman (2006: 311) menyatakan bahawa hubungan bahasa Melayu dengan kesusasteraan Melayu wujud sejak ratusan tahun dahulu. Hubungan simbosis ini dibentuk melalui media tulisan seperti yang tercatat dalam ribuan hasil karya kesusasteraan tradisional Melayu khususnya yang dipelopori oleh Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir melalui *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* dan *Hikayat Abdullah* pada pertengahan kurun ke-19. Warisan bahasa Melayu inilah yang dimantapkan dan diperkaya melalui proses yang disebut pensetaraan (*restandardisation*) perkembangan ilmu dan kemajuan fikiran manusia yang menuntut supaya bahasa Melayu memiliki kuasa mutlak linguistik dan korpus sastera tinggi untuk dijadikan wahana kemajuan bangsa.

Dalam kalangan cerdik pandai ada yang berpendapat bahawa bahasa tidak mungkin dipisahkan daripada amalan hidup seseorang. Bahasa bukan semata-mata alat komunikasi tetapi jauh daripada itu, bahasa ialah pembinaan budaya dan pandangan alam seseorang. Seseorang yang mengabaikan bahasanya, bermakna ia mengabaikan budaya hidup diri dan masyarakatnya. Seseorang yang mengagungkan bahasa seharus mengagungkan budaya atau sastera bangsanya. Lebih tinggi taraf kebahasaan yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari, maka lebih tinggi nilai kebudayaannya.

Apabila berbicara tentang bahasa dan Kesusasteraan Melayu ia mengajar kita bersedia berpadu tenaga membina, memupuk dan mengembangkannya. Menurut Aziz Deraman (2006: 4) kegemilangan bahasa bukan sahaja harus terserlah dalam kalangan 200 juta orang umat berbahasa Melayu di rantau ini, bahkan dalam perspektif yang lebih luas meletakkannya di pentas dunia.

Bahasa mempunyai peranan yang besar dalam memupuk kesenian bangsanya dengan penghayatan dan penyertaan yang menyeluruh. Tamadun silam seperti yang pernah dilalui oleh orang Yunani – Romawi, tamadun Islam, tamadun India dan tamadun China banyak mengekalkan fikiran dan perasaan kesenian bangsanya melalui bahasa. Peranan kesusasteraan, yakni persuratan dan penulisan terletak di sini. Dari sinilah hubungan simbiosis antara bahasa dengan sastera berlaku. Bahasa juga berfungsi sebagai pemupuk resam, nilai dan norma sesuatu bangsa. Dalam situasi apa pun, bahasa tetap mampu mengisi keperluan sesebuah tamadun. Bahasa dan kesusasteraan Melayu bekerjasama dalam hubungan simbiosis untuk mengisi segala keperluan meliputi perundangan, nilai keagamaan, pendidikan, pembinaan kebudayaan, sebaran am, perdagangan, peniagaan dan banyak lagi.

Perkembangan Bahasa Melayu

Arba’ie Sujud (2006: 1) menyatakan bahawa bahasa mula berkembang dan menjadi medium komunikasi semenjak wujudnya manusia di muka bumi ini. Hal ini bermakna hubungan antara bahasa dengan manusia sangat erat. Keeratan ini turut dikaitkan dengan keupayaan berbahasa yang dimiliki oleh setiap insan. Mereka bebas untuk mempelajari apa juga bahasa kerana asas untuk bahasa telah wujud secara semula jadi. Walaupun setiap manusia mempunyai kebebasan untuk menguasai dan mempelajari bahasa, namun pada peringkat awal, fakta persekitaran mempengaruhi penguasaan berbahasa mereka. Dengan demikian, bahasa pertuturan mereka adalah yang rapat dengan diri dan lingkungan mereka.

Menyedari pentingnya bahasa Melayu dalam hubungan dengan masyarakat, budaya dan sastera Melayu, sudah semestinya bahasa Melayu dan sastera Melayu mempunyi hubungan simbiosis antara satu sama lain. Bahasa Melayu milik mutlak bangsa Melayu, pencerminkan kepercayaan diri atau jati diri atau humanisme Melayu.

Perkembangan sejarah peradaban manusia cukup penting dan perlu diberi perhatian kerana kewujudan sesebuah negara bergantung pada kekuatan bahasa yang membina peradabannya. A. Aziz Deraman (2006:288) menyatakan bahawa kekuatan bahasa juga akan menjamin kelangsungan peradaban. Bahasa Kebangsaan ialah pemersatu dan alat komunikasi rakyat yang sangat utama. Rancangan Malaysia ke-9 telah menetapkan agenda nasional yang mesti didukung dengan cita-cita pembangunan tamadun dan modal insan Malaysia, sesuatu keseimbangan antara keperluan jasmaniah dengan rohaniah sebagaimana harapan asal daripada matlamat kewujudan sesebuah kebudayaan kebangsaan Malaysia.

Bahasa Melayu yang berkembang sejak dua alaf lalu telah menjadi tonggak kehidupan umat Melayu dan dalam tempoh yang cukup panjang, lebih daripada seribu tahun telah menjadi tonggak tamadun besar di rantau yang dikenal sebagai kepulauan Melayu. Sejak abad ke-7 Masihi, bahasa Melayu menjadi bahasa kerajaan, bahasa perdagangan, bahasa pengajian agama dan *lingua franca* bagi rantaui Kepulauan Melayu di bawah kerajaan Sriwijaya. Menurut Awang Sariyan (2000) zaman Kesultanan Melayu dari sekitar abad ke-13 hingga abad ke-19, bahasa Melayu mencapai puncak kegemilangan sebagai bahasa pentadbiran, bahasa diplomasi, bahasa undang-undang, bahasa ilmu dan falsafah, bahasa perdagangan, bahasa ketatanegaraan dan bahasa sastera tinggi.

Collins (1999) menyatakan bahawa bahasa Melayu pada abad ke-16 dan ke-17 dapat dirumuskan dengan kenyataan bahawa bahasa tersebut telah mencapai taraf bahasa antarabangsa, terutama dengan kedudukannya sebagai bahasa diplomatik, *lingua franca*, bahasa perdagangan sedunia, bahasa penyebaran agama besar di dunia dan bahasa sastera. Kegemilangan bahasa Melayu pada ketika itu tidak dapat dinafikan lagi. Namun pada masa kini perkembangan dan kegemilangan bahasa Melayu semakin merosot di tengah-tengah arus pemodenan. Kedatangan kuasa Barat ke alam Melayu, bermula pada abad ke-16 dengan gerakan penjajahan, semua beransur-ansur memodenkan peranan bahasa Melayu sebagai teras perabadan, khususnya melalui sistem pendidikan yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa vernakular. Walau bagaimanapun bahasa Melayu telah membuktikan perkembangannya sejarah dengan bahasa-bahasa lain dengan terbuktiinya bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa agama dan falsafah, alam fizik dan metafizik, teknologi, bahasa komunikasi,

bahasa pendidikan, pelajaran, penyaluran maklumat pembangunan luar bandar, perdagangan, pertanian, perniagaan dan sebagainya. Bukti silam dan keupayaannya menunjukkan bahawa bahasa Melayu akan terus berkembang.

Perkembangan Kesusasteraan Melayu

Sastera sebagai cermin budaya dan tamadun sesuatu bangsa perlu dipupuk dan direncanakan pengembangannya. Ayob Yamin (2006: 196) menjelaskan bahawa kebijaksanaan pengembangan sastera merupakan kegiatan berfikir, membuat keputusan, merancang dan melaksanakan sesuatu bagi menentukan arah perkembangan sastera. Kegiatan ini bukanlah kegiatan yang mudah dan kecil, tetapi adalah sesuatu persoalan besar yang menuntut penglibatan pengurusan dan politik serta sejumlah wang.

Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan sebuah organisasi yang berfungsi untuk mengembangkan bahasa Melayu, malah ia juga berfungsi untuk mengembangkan kesusasteraan Melayu. Pada peringkat awalnya program pengembangan sastera diletakkan di bawah Jabatan Pengarang dan Jabatan Penyelidikan. Tumpuan khusus pada ketika itu adalah untuk menerbitkan buku-buku sastera dan penerbitan karya sastera secara beransur-ansur. Pengembangan sastera secara khusus dan terancang berlaku apabila sesebuah bahagian khusus, iaitu Bahagian Pengembangan Sastera diwujudkan pada tahun 1971.

Kesusasteraan Melayu semakin mengembang luas dengan wujudnya majalah *Dewan Sastera*, di samping buku-buku sastera oleh penulis-penulis mutakhir diterbitkan dengan banyaknya, dan usaha penterjemahan juga bermutu. Dewan Bahasa dan Pustaka mewujudkan program Hadiah Karya Sastera untuk menggalakkan mereka lebih aktif lagi menulis. Pada penghujung tahun 70-an, diwujudkan pula program Anugerah Sasterawan Negara yang bertujuan untuk memberi penghormatan tertinggi kepada para sasterawan yang telah memberikan sumbangan yang cukup besar terhadap perkembangan kesusasteraan kebangsaan.

Menurut Shahnon Ahmad (1997: 25) kesusasteraan Melayu harus dikembangkan kerana ia mempunyai peranan sebagai satu cabang kesenian yang berteraskan cinta. Cinta di sini maksudnya cinta

kepada keindahan dan cinta kepada kebenaran. Karya kesusasteraan dicipta oleh para sasterawan untuk membangunkan peribadi manusia supaya cinta akan kebenaran. Bahasa kesusasteraan Melayu harus dikembangkan penyebarannya kerana ia mempunyai peranan sebagai rakamanan dan renungan interaksi insan seni itu kepada sebahagian kecil cakerawala Tuhan yang luas.

Hubungan Simbiosis Antara Bahasa Melayu dan Sastera

Bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu mula memerlukan antara satu sama lain apabila Jepun mengambil alih tumpuk pemerintahan sama ada di Tanah Melayu ataupun Singapura. Kekalahan kerajaan Inggeris dan kekejaman pemerintahan Jepun telah menyalakan dan membakar semangat kebangsaan. Walaupun tempohnya amat singkat, namun zaman itu telah berhasil mendorong dan mendesak orang Melayu melancarkan perjuangan politik ke arah kemerdekaan sama ada melalui parti politik ataupun pertubuhan-pertubuhan yang bersifat bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan.

A. Rahman Embong (2001: 53) berpendapat bahawa bahasa, budaya dan sastera adalah komponen subjektif yang merupakan unsur *intangible* sesuatu bangsa. Ia boleh memainkan peranan sebagai pemersatu dan sebagai yang tidak boleh tiada untuk membina kesedaran kolektif, membentuk bangsa dan mencorakkan destininya. Oleh itu, dapat dilihat bahawa bahasa dan sastera mempunyai hubungan simbiosis. Sekiranya salah satu tiada maka akan cacatlah ia. Bak kata pepatah Melayu, “umpama irama dan lagu” ataupun “seperti isi dengan kuku”. Begitu sekali rapatnya hubungan antara bahasa dengan sastera. Bahasa dengan sastera dan ditambah dengan budaya amat penting bagi sesuatu bangsa untuk mengukuh dan meningkatkan martabatnya dalam komuniti bangsa yang merdeka dan berdaulat di dunia ini.

Bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu perlu dilihat sebagai suatu cabang ilmu yang dapat meresapi dan berkembang dalam pelbagai disiplin ilmu. Sebagaimana kita maklum bahasa ialah alat pengucapan dan sebagai alat penyampaian karya sastera. Di sini jelas menunjukkan hubungan simbiosis berlaku antara bahasa dengan sastera. Hubungan antara ilmu bahasa dengan penghasilan karya kreatif. Walau bagaimanapun gaya bahasa yang kaku, bahasa tetap dipergunakan sebagai alat untuk berkarya. Ilmu bahasa sebenarnya mempunyai

perlakuan yang amat erat dengan penghasilan karya kreatif dan oleh sebab itu, tidak harus dianggap sebagai satu penghalang dalam usaha menonjolkan gaya bahasa yang indah.

Item bahasa amat penting dikuasai oleh seseorang pengkarya. Sekiranya penguasaan bahasa pengkarya tidak baik maka hasilan karyanya juga kurang bermutu. Ilmu sastera tidak boleh disampaikan melalui ragam bahasa rendah. Oleh itu bahasa memainkan peranan penting untuk seseorang itu memahami, mempelajari dan mentelaah karya sastera. Setiap penulis atau pengkarya mestilah boleh menguasai ilmu semantik, mantik, psikologi, linguistik, dan sebagainya. Ilmu ini amat berguna sebagai asas dalam menulis. Penguasaan aspek morfologi, sintaksis, fonologi dan semantik juga dititikberatkan dalam penulisan. Keempat-empat aspek tersebut sebenarnya digunakan oleh para penulis setiap kali mereka berkarya. Secara ringkas, morfologi ialah bidang yang berhubung dengan pembentukan kata, sintaksis ialah bidang yang berhubung dengan pembentukan ayat. Manakala fonologi pula ialah bidang yang berhubung dengan sistem bunyi sesuatu bahasa dan yang akhir ialah semantik bidang yang berhubung dengan makna.

Apabila mempelajari ilmu bahasa, morfologi merupakan satu-satunya elemen yang harus dipelajari. Morfolgi ialah ilmu tentang pembentukan kata. Ahmad Khair Mohd. Nor (2007:1) menyatakan bahawa morfologi menganalisis kata dengan mengenal pasti bahagian-bahagian kata kelas-kelasnya. Bentuk yang terkecil ialah morfem. Morfem ialah unit yang terkecil dalam bahasa yang mempunyai makna dan menjadi unsur terbentuknya kata. Contohnya, kata minum ialah morfem kerana unit yang terkecil, unit yang mengandungi makna dan tidak boleh dipecahkan menjadi unit yang lebih kecil dan bermakna. Morfem terbahagi dua, iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas dapat wujud sendirian tanpa bergabung dengan unsur lain. Morfem bebas dengan sendirinya dapat menjadi kata. Misalnya, makan, suka, pulang, bebas dan sebagainya. Morfem bebas dapat bergabung dengan morfem lain untuk membentuk kata terbitan, kata ganda atau kata majmuk. Contoh, berbatu, membatu, batuan, berbatu-batu, batu api dan sebagainya. Manakala morfem bebas yang bersifat tertutup dapat bergantung dengan morfem lain dan tidak dapat menjadi kata akar. Misalnya, dan, ke, dari, atau, dengan.

Morfem terikat pula tidak dapat wujud sendirian tanpa unsur lain. Morfem terikat tidak dapat berdiri sebagai kata asal atau kata dasar. Contoh imbuhan beR-, ke-, -kan dan meN-...-kan. Ada juga

morfem terikat yang terdiri daripada bentuk yang kelihatan seperti kata tunggal. Contohnya, lantar tidak boleh berdiri sendiri kecuali diberikan imbuhan ter- atau –an menjadi terlantar atau lantaran.

Kata adalah bentuk bebas yang terkecil. Abdullah Hassan (1992:107) menyatakan bahawa bentuk bebas dimaksudkan kata mempunyai kesatuan tertentu untuk wujud sebagai sebuah ayat yang terdiri daripada suku kata. Misalnya ‘pergi’ dapat berdiri sendiri sebagai sebuah ayat perintah. Kata juga merupakan satuan makna kerana kata memiliki makna tertentu. Kata sebagai kesatuan mempunyai kebebasan bergerak dalam ayat. Misalnya:

1. Rumah itu besar.
 2. Hayati jarang berada di rumah itu.
 3. Pada waktu selepas bekerja barulah Hayati pulang ke rumah.
- (Abdullah Hussain, 2001: 43)

Daripada contoh di atas, kata *rumah* sebagai kesatuan bebas bergerak atau dipindah-pindahkan tempatnya. Dalam ayat (1), rumah berfungsi sebagai subjek, (2) sebagai objek dan (3) sebagai keterangan.

Sintaksis merupakan satu lagi aspek bahasa yang sangat penting. Penggunaan bahasa amat dipentingkan dalam mengungkapkan sesuatu hasil karya atau penulisan kreatif. Setiap penulis atau pengkarya menggunakan gaya bahasanya yang tersendiri untuk menunjukkan identitinya sendiri. Di sinilah hubungan simbiosis antara bahasa dengan sastera memainkan peranan penting. Menurut Arba’ie Sujud (2006:33) bahasa dianggap sebagai satu elemen yang kuat untuk menunjukkan perbezaan antara satu karya dengan satu karya yang lain. Terdapat beberapa gaya bahasa yang boleh digunakan dalam penulisan kreatif. Contohnya, gaya bahasa perbandingan. Gaya bahasa perbandingan ialah bentuk bahasa perbandingan yang indah digunakan untuk menambahkan kesan dan kemaknaan tertentu dengan cara membandingkan sesuatu perkara dengan perkara lain. Terdapat beberapa jenis bahasa perbandingan seperti personifikasi, hiperbola, simile, metafora, analogi, sindiran, ironi, sarkastik dan sinisme.

Nik Hassan Basri (2005:51) menyatakan bahawa personifikasi ialah sejenis gaya bahasa perbandingan, iaitu penginsanan atau pemberian ciri-ciri peribadi orang atau sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, binatang, tumbuh-tumbuhan, keadaan, peristiwa, barang yang tidak bernyawa, atau idea yang abstrak. Perkataan

‘persona’ bermaksud orang atau pelaku atau aktor atau topeng yang dipakai dalam persembahan drama. Manakala ‘fic’ ialah perkataan yang bererti membuat. Oleh yang demikian, perkataan personifikasi itu dikaitkan dengan segala sifat yang dimiliki oleh manusia bagi segala macam benda yang tidak bernyawa.

Contoh:

- i. Bunyinya sungguh bising dan itu tandanya kereta itu berlari laju. (Amil Jaya, 2006: 51)
- ii. Halilintar yang datang meragut tangkai jantungku. (Mawar Shafei, 2002: 61)
- iii. Telinganya jelas menangkap kata-kata Datin Sipah. (Norhisham Mustafa, 2002: 84)

Selain itu, hiperbola juga merupakan bahasa perbandingan yang mempunyai unsur agak keterlaluan atau berlebih-lebihan atau membesar-besarkan suatu kenyataan tentang sesuatu objek, hal atau peristiwa hingga susah hendak mengamalkannya. Namun demikian, perbandingan atau cerita yang digambarkan itu masih menarik dan indah.

Contoh:

- (i) Harimau di hutan lagi ku tangkap.
(*Anak Laut*, 2002: 4)
- (ii) Namun perbezaan mereka melangit.
(Faisal Tehrani, (2002): 84)

Simile merupakan bahasa kiasan yang digunakan dalam karya sastera. Simile ialah sejenis perumpamaan. Perkataan simile berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud ‘seperti’. Simile merupakan perbandingan terus, iaitu membandingkan dua hal yang pada hakikatnya berlainan tetapi dengan sengaja tidak menganggapnya sama. Perbandingan simile merupakan perbandingan yang jelas kerana disertakan oleh kata-kata seperti umpama, laksana, seperti, macam dan bagi.

Contoh:

- (i) Dia gelisah seperti ayam dara yang pertama kali bertelur.
(Abdullah Hussein, 2001: 28)

- (ii) Bunyi tayar yang mencengkam tanah bagi jeritan orang kesakitan.
(Abdullah Hussein, 2001: 108)

Metafora ialah gabungan daripada dua kata, iaitu ‘meta’ bermaksud memindahkan dan ‘pherein’ bermakna membawa. Perkataan metafora berasal daripada bahasa Yunani. Metafora merupakan kiasan yang terdapat dalam laras sastera yang tidak menggunakan kata bandingan seperti simile. Kiasan jenis metafora merupakan kiasan yang menyebut terus kepada benda atau binatang yang hendak diumpamakannya. Perbandingan metafora ini lebih ringkas dan padat.

Contoh:

- i. Terlalu berat hamparan konkrit derita yang abah jatuhkan kepada aku dan mama.
(Mawar Shafei, 2002: 61)
- ii. Dia menolak sedikit daun pintu untuk menonjolkan wajah bujur sirihnya.
(Sharif Putera, 2002: 108)

Awang Sariyan (2006:184) menyatakan penulis yang dapat menguasai pelbagai pola ayat amat beruntung. Kepelbagaiannya struktur merupakan satu cara yang paling penting untuk menimbulkan kesan kepada pembaca. Sesungguhnya hal tersebut adalah satu ujian kejayaan terhadap penulis dalam hal penggunaan bahasa.

Peranan Bahasa

Bahasa Melayu adalah bahasa negara. Ia berfungsi sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, maka statusnya menjadi amat penting sebagai bahasa pengantar sistem pendidikan kebangsaan. Fungsi bahasa Melayu dalam sistem pendidikan telah dirumuskan oleh Akta Pendidikan 1961, lanjutan penegasan perundangan terhadap Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Lebih tiga dekad telah berlalu, sejak 1971 dan pelbagai kajian telah dibuat terhadap kesan sistem pendidikan tersebut. Hasil yang diperoleh agak membanggakan. Bahasa Melayu terbukti dapat menjadi bahasa pengantar pendidikan-setanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Bahasa Melayu

berjaya diangkat dan bertindak sebagai bahasa ilmu. Bahasa Melayu digunakan di peringkat sekolah rendah, menengah dan sebahagian besar daripada pengajian di peringkat tinggi. Di Malaysia mulai tahun 1983 semua institusi pengajian tinggi awam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, sesudah 13 tahun Dasar Bahasa Kebangsaan ditegaskan semula dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Perkembangan sejarah peradaban manusia cukup penting dan perlu diberi perhatian kerana kewujudan sesebuah negara bergantung kepada kekuatan bahasa yang membina peradabannya. Kekuatan bahasa juga akan menjamin kelangsungan peradaban. Bahasa Kebangsaan ialah pemersatu dan alat komunikasi rakyat yang sangat utama. Rancangan Malaysia Ke-9 telah menetapkan agenda nasional yang mesti didukung dengan cita-cita pembangunan tamadun dan modal insan Malaysia, sesuatu keseimbangan antara keperluan jasmaniah dengan rohaniah sebagaimana harapan asal daripada matlamat kewujudan sesebuah kebudayan kebangsaan Malaysia.

Peranan Sastera

Peranan sastera terutamanya sastera Melayu dapat membina insaniah dalam kehidupan manusia. Hal ini amat bertepatan dengan konsep membina ‘modal insan’ yang diharap-harapkan oleh pemimpin negara. Kita tidak mahu melahirkan satu bangsa seperti robot yang tidak mempunyai nilai-nilai kemanusiaan ketika bertindak atau mengambil keputusan. Apa yang boleh kita lihat sekarang, ramai bijak pandai dalam bidang sains dan teknologi, tetapi sayang mereka gagal dalam usaha melahirkan pemimpin yang bermoral, berjati diri dan mempunyai nilai-nilai kemanusiaan. Pemimpin yang tidak berjiwa seperti di atas, merupakan manusia yang hilang pertimbangan ketika bertindak. Akibat daripada itu, masalah rasuah, keruntuhan moral sehingga membawa kepada kemusnahan alam dan menyusahkan masyarakat. Justeru, mengembalikan nilai-sejagat yang bersifat kemanusiaan sebenarnya terkandung dalam sastera.

Di peringkat sekolah, Kesusasteraan Melayu memainkan peranan sebagai satu cabang ilmu dan senjata yang dapat meresap dan berkembang dalam pelbagai disiplin ilmu sejarah dengan konsep bahasa merentas kurikulum. Sementara itu di peringkat pengajian tinggi pelajar didedahkan dengan teknik penulisan ilmiah, rencana dan penulisan kreatif dan pelajar juga diberikan pengetahuan tentang

dunia penerbitan dan penyiaran selaras dengan matlamat pembudayaan bahasa Melayu melalui sistem pendidikan.

Selain itu, bahasa dan sastera juga berperanan dalam usaha pengayaan khazanah ilmu dan persuratan bahasa Melayu, wajar dipertingkatkan kepada semua peringkat usia pembelajaran dan pengajaran. Dengan cara ini, proses pembentukan jati diri dan cinta akan khazanah negara dapat diatur, dilentur, dibentuk dengan sebaik-baik mungkin. Proses pengayaan ini merupakan proses yang berterusan dan menjadi agenda utama dasar pentadbiran negara.

Penutup

Apabila berbicara tentang bahasa dengan sastera, perhatian kita akan juga tertumpu kepada perkataan seni. Seni lazimnya bersifat halus, tertib, bersistem dan memiliki nilai keindahan. Sifat ini wujud dalam bahasa dengan sastera. Sastera berteraskan konsepsi ‘seni bahasa yang indah’. Dengan demikian wujud pertalian erat yang saling menumpang antara bahasa dan sastera. Perkara inilah yang menimbulkan hubungan simbiosis. Penyatuan disiplin ilmu antara bidang bahasa dan sastera terjalin kukuh tanpa suatu pemisah yang rigid. Penyatuan itu dapat dilihat dengan penggunaan ilmu bahasa dalam berkarya.

Rujukan

- A. Aziz Deraman. (2006). “Bahasa dan Kesusasteraan Melayu Dalam Menghadapi Wawasan 2020” dlm. *Sastera Kebangsaan Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Rahman Embong. (2001). *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hussain. (2001). *Konserto Terakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Khir Mohd Nor. (2007). *Pembentukan Kata Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Arba’ie Sujud. (2006). *Retorika Bahasa & Apresiasi Sastera*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Amil Jaya. (2006). *Tragedi Dalam Kerusi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Awang Sariyan. (2000). *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2006). “Persuratan dan Peradaban Nasional Abad Ke-21: Gagasan dan Krangka Strategi Untuk Perabadan Melayu” dlm. *Persuratan dan Peradaban Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayob Yamin. (2006). “Pengembangan Menghadapi Tahun 2000” dlm. *Sastera Kebangsaan Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T., (1999). *Malay World Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. (2003). “Kerana Manisnya Epal” dlm. *Antologi Kerusi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani. (2006). *Sastera Kebangsaan Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawar Shafei. (2002). “Virus Zel Untuk Abah” dlm. *Antologi Kerusi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Basri. (2005). *Stilistik Komsas*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norhisyam Mustafa. (2002). “Sebutir Pasir di Kaki” dlm. *Antologi Kerusi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. _____, 2003. “Pantun Kiasan” dlm. *Antologi Anak Laut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang. (1997). “Keadaan Yang Melahirkan Kesusasteraan 50”. Ceramah Bertulis Pada Forum Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 4 Julai 1997.
- Shahnon Ahmad. (1997). “Cinta” dlm. *Urus Setia Panel Anugerah Sastera Negara, Pidato Umum dan Pidato Penerimaan Sasterawan Negara 1981-1986*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsudin Othman. (2006). “Hala Tuju Bahasa dan Kesusasteraan Melayu” dlm. *Persuratan dan Perabadan Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharif Putera. (2002). “Mariah” dlm. *Antologi Kerusi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.